

Sektor Pertumbuhan yang Digalakkan



- | | |
|--|-----|
| 1. Sektor Pertanian - Jentera Pertumbuhan Ketiga | 154 |
| 2. Sektor Perkhidmatan - Layanan Mesra Cara Malaysia | 161 |



Kejayaan dalam transformasi dan pertumbuhan ekonomi memerlukan PKS menggunakan sumber sedia ada dan memanfaatkan peluang pasaran baharu. Lantaran globalisasi yang meningkatkan tahap persaingan dalam pasaran antarabangsa, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa bidang tumpuan yang perlu diberi galakan untuk menjadi sumber penting pendapatan eksport dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Pembangunan bersepadu sektor tumpuan tersebut membentuk sebahagian daripada strategi pembangunan negara untuk meneroka bidang pertumbuhan baharu dan memperluas asas-asas ekonomi sambil menyediakan asas bagi pertumbuhan pesat yang berterusan. Bab ini memaparkan dua bidang tumpuan, iaitu Pertanian dan Perkhidmatan, yang dikenal pasti sebagai bidang pertumbuhan berpotensi besar dalam RMKe-9 dan IMP3.

1. Sektor Pertanian - Jentera Pertumbuhan Ketiga

Secara tradisi, pertanian merupakan asas utama ekonomi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 38% kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 1960. Namun, pada tahun 2006, sumbangan sektor ini berkurang kepada 7.9%. Menyedari kepentingan sektor pertanian sebagai pembekal makanan, Kerajaan telah memberi lebih tumpuan terhadap pembangunan sektor ini dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Langkah ini bertujuan untuk menjadikan sektor ini sebagai jentera pertumbuhan ketiga seperti yang digariskan dalam RMKe-9.

Untuk Renungan Semua

Kebangkitan semula sektor pertanian berpunca daripada beberapa faktor. Faktor utama ialah kos pengeluaran yang semakin meningkat, harga import makanan yang tinggi, dan faktor paling ketara ialah masalah kekurangan makanan yang kian menular di seluruh dunia. Kenaikan harga minyak, pertambahan penduduk, dan perubahan cuaca yang ketara telah mengakibatkan harga sedunia kebanyakan makanan ruji mencatat paras tertinggi. Menurut FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu), simpanan makanan dunia berada pada tahap terendah dalam masa 25 tahun dan harga dijangka terus meningkat buat beberapa tahun akan datang.

Disebabkan kekangan sumber dan perubahan pesat dalam perdagangan global dan persekitaran pelaburan, sektor pertanian yang berdaya tahan perlu dibangunkan di samping daya saing globalnya dipertingkatkan. Selain itu, kebimbangan terhadap kestabilan bekalan makanan memerlukan Malaysia memperkukuh keupayaannya dalam pengeluaran makanan. Kesemua cabaran ini memerlukan pendekatan dan dasar strategik baharu untuk meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian dan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Kelebihan Malaysia

Sejajar dengan permintaan global terhadap makanan yang kian meningkat, Malaysia yang mempunyai kelebihan dalam bidang pertanian, terutamanya dalam pertanian pokok tanaman dan pengurusan pengeluaran tanaman perindustrian secara besar-besaran, seperti kelapa sawit dan getah, bidang ternakan, tanaman tertentu dan perikanan, berada pada kedudukan yang baik untuk meraih ganjaran yang besar.

Menurut Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 (Banci), terdapat 34,188 PKS dalam sektor pertanian, dengan 93.1% (31,838 PKS) daripadanya ialah perusahaan mikro. PKS menyumbang 42.1% (RM8.7 bilion) kepada jumlah pengeluaran industri pertanian. Melalui peruntukan Kerajaan sebanyak RM11.4 bilion di bawah RMKe-9, sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan 4.1% setiap tahun, dan industri pertanian dan asas tani pula dijangka berkembang 5.2% dalam tempoh yang sama.

Sejajar dengan permintaan global terhadap makanan yang kian meningkat, Malaysia yang mempunyai kelebihan dalam bidang pertanian berada pada kedudukan yang baik untuk meraih ganjaran yang besar

Dengan mengambil kira cabaran-cabaran tersebut, Kerajaan melalui RMKe-9, sedang melaksanakan strategi untuk memacu ekonomi ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi bagi membolehkan PKS bersaing dengan jayanya dalam pasaran global yang mencabar. Ini akan dilakukan melalui strategi 'Program Pertanian Baharu' RMKe-9 yang menggalakkan orientasi yang lebih besar terhadap cara pengeluaran yang lebih moden dan berskala komersial, serta penghasilan produk asas tani ditambah nilai menggunakan ICT dan mengeksploitasi sepenuhnya potensi bioteknologi. Matlamat akhir adalah untuk menjadi pengeksport bersih makanan menjelang tahun 2010.



Sektor pertanian akan disokong dan diperkasakan sepanjang tempoh RMKe-9 melalui lima prinsip panduan:

- Meningkatkan hasil tanaman sambil membangunkan sumber pertumbuhan baharu, dan juga menambah penyertaan sektor swasta;
- Mengembangkan aktiviti pemprosesan dalam pertanian dan produk berkaitan yang lain;
- Meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian mikro, petani dan nelayan;
- Memperkukuh rangkaian pemasaran dan global; dan
- Meningkatkan akses kepada maklumat dan infrastruktur.

Untuk mencapai pelbagai sasaran yang ditetapkan, lima projek berimpak tinggi telah dimulakan, iaitu:

- **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)**

Melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, pelbagai kawasan TKPM untuk pengeluaran makanan secara kekal telah disediakan untuk membantu pekebun kecil dalam pengeluaran makanan. Kawasan TKPM diwartakan oleh Kerajaan dan akan disewakan kepada usahawan untuk penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara komersial. Dengan penyediaan kawasan sekurang-kurangnya 30 hektar untuk penanaman sayur-sayuran, dan sekurang-kurangnya 50 hektar untuk penanaman pokok buah-buahan, projek ini bertujuan membangunkan usahawan tani dengan pendapatan bulanan melebihi RM3,000. Sebanyak 30 TKPM telah dibangunkan sepanjang tempoh RMKe-8, dan 30 lagi TKPM dengan keluasan 3,338 hektar akan dibangunkan di bawah RMKe-9 untuk memberi manfaat kepada 834 peserta. Projek ini bertujuan menghasilkan pengeluaran pertanian sebanyak 161,300 tan metrik bernilai RM172.5 juta.

Pada tahun 2007, sebanyak 15 TKPM baharu dibangunkan dan ini menjadikan jumlah TKPM kepada 45. Sehingga kini, projek ini melibatkan 584 peserta dengan pengeluaran tahunan sebanyak 14,570 tan metrik bernilai RM16.6 juta.

- **Zon Industri Akuakultur (ZIA)**

Meskipun kadar tangkapan ikan di laut dan ikan air tawar meningkat dengan ketara, bekalannya tidak dapat memenuhi permintaan penduduk yang kian bertambah. Ini menjadikan akuakultur komersial pilihan penting bagi sumber bekalan protein ikan. Untuk membangunkan industri akuakultur yang komprehensif dan sistematik, 49 kawasan akan diwartakan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA). ZIA di Sungai Como, Terengganu, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada bulan Januari 2007, memberi tumpuan pada komoditi seperti udang, kerang-kerangan, ikan air tawar, ikan perhiasan dan tumbuhan akuatik. Melalui perkongsian pintar antara Kerajaan dengan sektor swasta, projek ZIA menyasarkan pengeluaran sebanyak 507,000 tan metrik hasil akuakultur bernilai RM5 bilion pada tahun 2010.

- **Pusat Fidlot Nasional (PFN)**

Pembangunan industri daging lembu akan dilaksanakan melalui pembinaan Pusat Fidlot Nasional untuk memenuhi pertambahan permintaan terhadap daging. Pusat Fidlot Nasional yang berpusat di Gemas, merupakan projek usaha sama antara Kerajaan Negeri Sembilan dengan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Projek ini dijangka memainkan peranan penting dalam pencapaian sasaran 28% mampu diri dalam pengeluaran daging lembu menjelang tahun 2010.

National Feedlot Corporation Sdn Bhd milik Agrosience Industries Sdn Bhd, telah diberi mandat sebagai pengamir (*integrator*) projek tersebut bersama-sama dengan Kerajaan. Kepentingan komersial projek ini ialah pembangunan industri daging lembu Malaysia yang terancang, bersepadu dan mampan melalui pembangunan ladang ternakan bersepadu sepenuhnya dan penyediaan kemudahan pengeluaran daging lembu yang menguruskan pengimportan ternakan, fidlot, penyembelihan, pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran daging di Malaysia. Sebanyak 310 penternak kecil sedia ada akan bertindak sebagai ladang satelit untuk membekalkan lembu kepada pusat tersebut. Projek ini dijangka mewujudkan sistem perladangan ternakan fidlot sambil menggalakkan aktiviti komersial sepanjang rantai nilai.

- **Pembangunan Usahawan Tani**

Untuk meningkatkan pengeluaran pertanian, Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk membangunkan usahawan tani bagi menambah hasil pengeluaran. Usaha tersebut termasuk memberikan tumpuan pada pembangunan modal insan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dan kualiti produk sambil menambah kepelbagaian produk, penjenamaan, promosi dan pemasaran. Projek ini bertujuan melahirkan 10,000 usahawan tani dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2,000 menjelang tahun 2010. Sejajar dengan itu, sasaran minimum 20% telah ditetapkan bagi usahawan tani meningkatkan kualiti produk mereka agar mencapai tahap yang memenuhi piawai dan pensijilan antarabangsa.

Sehingga kini, 7,860 usahawan telah dibangunkan, dengan 836 daripadanya berjaya mencapai sasaran pendapatan bulanan bersih sebanyak RM2,000. Kemajuan selanjutnya ialah penganugerahan pelbagai pensijilan kepada 220 usahawan.

- **Perladangan Kontrak**

Di bawah Perladangan Kontrak, petani menanam tanaman tertentu mengikut satu perjanjian beli-balik dengan sesebuah syarikat atau agensi. Konsep ini bertujuan memadankan pengeluaran dengan permintaan pasaran. Model Perladangan Kontrak ialah mekanisme yang berkesan bagi pembangunan berorientasikan komersial dan perkongsian jangka panjang dengan sektor perniagaan tani Malaysia. Usaha niaga tersebut akan memberikan pengeluar takrifan yang jelas tentang jangkaan bekalan hasil segar dan selamat dari segi mutu, kuantiti, jenis, kepelbagaian, pembungkusan dan penggredan. Di bawah RMKe-9, sebanyak 35,925 hektar tanah telah diperuntukkan bagi projek ini dan dijangka memberi manfaat kepada 22,243 usahawan tani. Nilai pengeluaran pertanian pula disasarkan sebanyak RM4.3 bilion.

Sehingga kini, 9,073 hektar telah dibangunkan dan 8,726 hektar lagi disasarkan di bawah projek Perladangan Kontrak yang melibatkan 3,870 usahawan tani.

Pasukan khusus untuk projek berimpak tinggi tersebut telah ditugaskan oleh MOA untuk memastikan penyelarasan dan kejayaan pelaksanaan kesemua sasaran tersebut. Kejayaan program tersebut dipantau secara teliti oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Pencapaian projek kemudiannya dipaparkan dalam laporan tahunan.

Pertanian Suatu Perniagaan

Tumpuan baharu terhadap produk pertanian dan asas tani memberi penekanan yang lebih mendalam terhadap pendekatan yang lebih komersial bagi pertanian untuk membolehkan mereka yang di dalam sektor ini memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Pengeluaran produk pertanian secara cekap adalah penting, namun sama penting ialah pemasaran produk tersebut. PKS perlu bijak merebut peluang daripada peningkatan permintaan terhadap produk makanan berkualiti tinggi, halal dan selamat, di dalam dan di luar negara.

Menyedari kepentingan pemasaran produk pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan diletakkan di bawah MOA. FAMA sebagai agensi pemasaran Kerajaan untuk produk pertanian, bertanggungjawab terhadap pelbagai aktiviti pemasaran. Antara tanggungjawabnya ialah menetapkan sasaran dan piawai produk, memantau prestasi, serta membangunkan strategi pemasaran bagi produk pertanian Malaysia.

Penglibatan FAMA kini adalah dalam pengeksporan produk pertanian dan makanan bernilai RM500,000, dan ini terdiri terutamanya daripada penghantaran kepada pembeli baharu di pelbagai destinasi. Jumlah ini dijangka bertambah sejajar dengan usaha membuka pasaran baharu bagi meningkatkan jangkauan makanan keluaran Malaysia. Melalui FAMA dan di bawah naungan MOA dan MATRADE, dua Misi Pelaburan Pertanian dan 10 promosi ke pasaran luar negeri, termasuk program di bawah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera (BCIC), telah dianjurkan. Program ini telah memberi manfaat kepada 33 pemasar tunggal dan 126 usahawan tani dengan jualan langsung bernilai RM7.4 juta dalam pasaran serantau seperti Singapura, Brunei Darussalam, Vietnam dan Indonesia.

Di dalam negara pula, FAMA dan agensinya menganjurkan 112 aktiviti promosi untuk meningkatkan penerimaan terhadap produk PKS dan menggalakkan penggunaan produk makanan tempatan. Aktiviti tersebut yang termasuk karnival jualan dan Pasar Tani telah memanfaatkan 2,240 usahawan tani.

Inisiatif FAMA yang lain termasuk:

Mempromosi Jenama Malaysia

Untuk menggalakkan dan membantu pemprosesan makanan bagi pekebun kecil, produk pertanian dipasarkan di bawah jenama FAMA seperti AgroMas, OleMas dan Malaysia's Best yang menjanjikan produk berkualiti. Jenama Malaysia's Best adalah untuk keluaran segar, manakala AgroMas dan OleMas pula untuk makanan yang telah diproses dengan menggunakan hasil keluaran peladang tempatan dan diproses di kilang milik FAMA. Pada tahun 2007, 33 ladang telah diperakui untuk menggunakan jenama pengesahan Malaysia's Best untuk kualiti dan keselamatan. Disamping itu, sejumlah 11 produk layak untuk pensijilan dan 78 Unit Simpanan Stok (*Stock Keeping Unit, SKU*) layak untuk penjenamaan di bawah AgroMas, OleMas dan lain-lain jenama FAMA.

Terminal Makanan Negara - TEMAN

Dirancang sebagai pusat bekalan makanan moden yang menghubungkan pengeluaran dan penggunaan dalam satu kompleks, setiap TEMAN terdiri daripada kawasan perdagangan pusat bagi pengumpulan dan pengagihan semula produk pertanian untuk memenuhi permintaan makanan negara. TEMAN akan menguruskan aktiviti pemborongan, aktiviti prapembungkusan yang berkaitan, serta pengumpulan dan pengagihan dalam satu persekitaran yang bersepadu dan sistematik.

Melalui penggunaan teknologi dan tersedianya infrastruktur yang relevan, TEMAN akan dihubungkan secara rapat dengan petani dan pasaran di seluruh negara, serta pasaran antarabangsa. FAMA juga telah menggariskan rancangan untuk menambah kontrak pembekal hasil pertanian, terutama dengan pemborong, pasar raya besar/pasar raya, hotel dan tempat percutian. Bagi tahun 2008, FAMA telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk melaksanakan projek seperti pusat pengumpulan di ladang dan pusat pemborong.

Pembinaan dua kompleks TEMAN di Gopeng, Perak dan Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan dan dijangka siap masing-masing pada akhir tahun 2009 dan 2010.

FamaXchange

Bursa bekalan dan permintaan secara maya, yang julung-julung kali diwujudkan, merupakan tempat usahawan tani mendapatkan maklumat pasaran dan menjalankan perniagaan keluaran makanan secara dalam talian. Hasil penyelidikan, potensi pasaran dan kajian berkaitan pasaran juga boleh didapati di www.famaxchange.org

Memperluas Jelapang Padi Negara

Kenaikan harga beras dalam pasaran global telah membangkitkan perbincangan mengenai jaminan bekalan makanan dan keperluan menanam lebih banyak padi. Beberapa strategi dan program telah dilaksanakan untuk menggalakkan petani mengambil peluang daripada kenaikan harga beras dunia dengan meningkatkan pengeluaran padi. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan RM14 juta untuk pemulihan kawasan tanaman padi di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).



Ini merupakan sebahagian daripada rancangan Kerajaan untuk menambah pengeluaran beras sebanyak 20% bagi mencapai tahap mampu diri. Program Ladang Merdeka, menerusi KADA, merupakan salah satu strategi untuk menambah kawasan penanaman padi dan hasil beras negara. Sehingga kini, KADA berjaya mewujudkan 17 Ladang Merdeka berkeluasan 750 hektar dengan penyertaan 2,600 pesawah padi. Tuaian baru-baru ini menghasilkan pendapatan RM900 sehektar bagi setiap peserta. KADA merancang membekalkan subsidi baja tambahan kepada pesawah yang dianggarkan antara RM3 juta hingga RM4 juta.

Pada tahun 2008 juga, satu kempen akan dilaksanakan untuk menggalakkan pemilik sawah padi untuk menanam semula atau memilih menyerahkannya kepada KADA untuk diuruskan di bawah program estet mini. Beberapa sawah padi kecil menjadi tanah terbiar memandangkan saiznya menghalang penanaman padi secara komersial. Skim estet mini akan mengambil alih pengurusan daripada pemilik yang akan diberikan saham dan juga pilihan untuk mengerjakan sawah dengan gaji harian.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menambah pengeluaran padi, MOA telah menetapkan beberapa hektar tanah di seluruh negara sebagai 'jelapang padi'. Di Kemaman, Terengganu, kerajaan negeri merancang membuka 3,200 hektar tanah untuk penanaman padi tiga kali setahun bagi membantu meningkatkan bekalan beras negara. Peruntukan sebanyak RM100 juta akan disediakan bagi projek tersebut.

Peruntukan yang sama juga dirancang bagi tahun 2008, yang termasuk pembangunan kawasan penanaman padi baharu di negeri-negeri seperti Pahang, Sabah dan Sarawak, serta meningkatkan infrastruktur pertanian, termasuk sistem pengairan.

2. Sektor Perkhidmatan - Layanan Mesra Cara Malaysia

Sektor perkhidmatan yang mencakupi bahagian terbesar sektor PKS (87%), telah dikenal pasti sebagai salah satu pemacu penting pertumbuhan ekonomi negara selain sektor pertanian, dalam tempoh 10 tahun akan datang. Pembangunan sektor perkhidmatan merupakan sebahagian daripada strategi pembangunan negara untuk memperluas asas-asas ekonomi.

Sektor Perkhidmatan Pemacu Penting Pertumbuhan

Sektor perkhidmatan telah mencatat pertumbuhan yang mapan, pada kadar purata kira-kira 9% setahun pada tahun 1970-an, hampir 7% pada tahun 1980-an, dan 8.5% dalam dekad kebelakangan ini. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan ekonomi semakin penting, daripada kira-kira 37% daripada KDNK pada tahun 1970 kepada 43% pada tahun 1980, 47% pada tahun 1990 dan 53% pada tahun 2007.

Angka ini dijangka meningkat lagi dengan unjuran awal ekonomi bagi Wawasan 2020 menunjukkan bahawa menjelang tahun 2020, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dijangka meningkat kepada 60%.

Dasar dan Strategi

Berasaskan sumbangan tersebut, Kerajaan telah merumuskan program dan pelan tindakan untuk membangunkan PKS dalam sektor perkhidmatan dengan berpandukan pada lima strategi umum, iaitu:

- Pengukuhan kapasiti dan keupayaan domestik dalam subsektor perkhidmatan dan bidang kebitaraan (*niche*) tertentu yang Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif;
- Meneroka aktiviti perkhidmatan baharu yang mempunyai potensi pertumbuhan. Ini merupakan aktiviti sampingan yang terhasil daripada inisiatif untuk menceburi aktiviti nilai ditambah sepanjang rantai nilai perkilangan dan juga pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan;
- Mengambil peluang sepenuhnya daripada liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan di bawah *General Agreement on Trade in Services* (GATS), dengan Malaysia akan terus membuka beberapa sektor tertentu dan juga menyertai pasaran dalam ekonomi lain;
- Menggalakkan sektor swasta menyertai dan melabur dengan lebih giat dalam aktiviti perkhidmatan yang mempunyai potensi pertumbuhan sambil meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Pelaburan asing akan terus digalakkan terutamanya dalam bidang yang melibatkan pengetahuan dan intensiti teknologi yang tinggi; dan
- Memberi tumpuan pada pembangunan sumber manusia untuk memenuhi keperluan sektor perkhidmatan yang moden dan kompetitif.

Subsektor perkhidmatan utama yang giat digalakkan ialah pelancongan.

Malaysia - Destinasi Pelancong

Malaysia dianugerahi deretan pantai yang indah, pelbagai hidupan liar, fauna dan flora, pelbagai budaya, hutan hujan yang berkurun usianya dan berbagai-bagai pilihan juadah makanan, yang dicemburui negara jiran serantau. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya sektor pelancongan merupakan kelebihan kompetitif Malaysia berbanding dengan negara Asia lain. Pelancongan merupakan industri penting bagi Malaysia yang telah ditetapkan sebagai sektor keutamaan oleh Kerajaan dalam RMKe-9. Sektor pelancongan menjana hasil pertukaran asing kedua terbesar Malaysia sejak tahun 2000 dengan pendapatan sebanyak RM17.3 bilion sebelum meningkat kepada RM46.1 bilion pada tahun 2007. Selain menjadi penjana pertukaran asing, peningkatan dalam aktiviti pelancongan juga menjana kesan pengganda dalam sektor ekonomi lain, seperti industri perhotelan, perniagaan runcit, restoran dan pengangkutan. Hasil daripada sektor pelancongan sebagai peratusan kepada KDNK pada tahun 2007 ialah 7.4%. Dengan pelbagai daya tarikan semula jadinya, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk merebut peluang daripada pertambahan pesat jumlah penduduk kelas pertengahan rantau ASEAN, dengan penduduk sebanyak 530 juta orang.

Untuk meningkatkan prestasi sektor pelancongan negara, beberapa strategi telah dirumuskan, iaitu:

- Memberi penekanan terhadap pembangunan pelancongan yang mampan. Langkah ini penting memandangkan persekitaran fizikal dan warisan kebudayaan adalah daya tarikan utama produk pelancongan dan aset yang perlu dipelihara dengan teliti. Pembangunan pelancongan yang mampan akan menjadi strategi utama yang dapat mengimbangkan keperluan ekonomi, sosial, kebudayaan dan alam sekitar dalam semua perancangan dan pelaksanaan program berkaitan pelancongan;
- Menggunakan pendekatan holistik dan bersepadu bagi pembangunan pelancongan. Strategi ini memerlukan pemantapan penyelarasan dan kerjasama dalam kalangan semua pihak berkaitan bagi meningkatkan prestasi industri pelancongan dan juga untuk memberi gambaran bahawa Malaysia merupakan destinasi mempesonakan dengan penganjuran acara ala karnival sepanjang tahun. Oleh itu, kalendar pelancongan yang dirancang dengan baik yang mengandungi acara bertema khusus, akan terus dihasilkan. Acara kemuncak meliputi Sambutan Hari Kemerdekaan, Warna-Warna Malaysia, Formula One Grand Prix Malaysia, Perlumbaan World Formula One Powerboat dan Karnival Jualan Mega; dan
- Membangunkan sumber manusia merupakan inisiatif penting dalam memastikan daya saing industri pelancongan. Dalam hal ini, Majlis Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia Dalam Bidang Pelancongan memainkan peranan yang kian penting dalam menyelia dan menyelaraskan latihan dalam industri pelancongan.

**Persis Digambarkan - Janji Malaysia**

Ketibaan pelancong mula meningkat dengan nyata khususnya selepas tahun 1990. Ketibaan pelancong meningkat pada kadar purata 7.5% setahun, daripada 7.5 juta orang pada tahun 1995 kepada 21 juta orang pada tahun 2007. Sehubungan dengan itu, pendapatan pelancongan pada tempoh yang sama bertambah lebih 500% kepada RM47.4 bilion pada tahun 2007.

Ketibaan pelancong meningkat pada kadar purata 7.5% setahun, dari 7.5 juta pelancong pada tahun 1995, kepada 21 juta orang pada tahun 2007

Meskipun rakyat negara jiran dari Singapura dan Thailand merupakan pelawat paling ramai, dari segi pendapatan dan perbelanjaan harian purata setiap pelancong, pelancong dari Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (U.A.E) menduduki tempat teratas dalam senarai, masing-masing dengan perbelanjaan harian purata sebanyak RM789 dan RM676, iaitu pendapatan pelancongan tertinggi mengikut negara kediaman pelancong. Jumlah ini dijangka bertambah susulan usaha gigih Kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi Halal.

Sepanjang tempoh RMKe-9, industri pelancongan dijangka mencatat pertumbuhan purata 8.4% setahun dari sekarang hingga tahun 2010. Jumlah ketibaan pelancong juga dijangka meningkat daripada 21 juta orang pada tahun 2007, kepada 24.6 juta orang menjelang tahun 2010, dengan pertambahan pendapatan purata pelancongan sebanyak 13.9% setahun kepada RM54.9 bilion di samping pewujudan kira-kira 520,700 pekerjaan. Di bawah RMKe-9, Kerajaan akan membelanjakan RM1.85 bilion untuk menjual daya tarikan pelancongan Malaysia di peringkat global. Daripada jumlah tersebut, 56% akan dibelanjakan khusus untuk penambahbaikan dan penyenggaraan kemudahan berkaitan pelancongan.

Menggamit Wang Pelancong

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan sasaran tersebut dapat dicapai, Kerajaan Malaysia telah mempromosikan tahun 2007 sebagai “Tahun Melawat Malaysia” bersempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara. Sejumlah RM1.85 bilion telah diperuntukkan untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia di mata dunia sebagai destinasi utama pelancongan. Jumlah yang besar telah dibelanjakan untuk pengiklanan di luar negara dan pemberian insentif (seperti bayaran balik atau subsidi) kepada pengusaha pelancongan yang mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Hasilnya, ketibaan pelancong meningkat 19.5% kepada 21 juta orang pada tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006. Secara keseluruhan, pendapatan pelancongan berjumlah RM46.1 bilion pada tahun 2007, lantas menempatkan pelancongan sebagai penjana pertukaran asing kedua terbesar negara. Kesan limpahan daripada perbelanjaan pelancong dijangka memberi manfaat kepada ekonomi secara meluas memandangkan perbelanjaan pelancong sebahagian besarnya adalah untuk penginapan (31%), membeli-belah (27%), makanan & minuman (18%) dan pengangkutan (10%).

Sejumlah RM1.85 bilion telah diperuntukkan untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia di mata dunia sebagai destinasi utama pelancongan

Bagi meningkatkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi utama pelancong, sebanyak RM858 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan pelbagai program, termasuk penyediaan dan penaiktarafan kemudahan pelancongan, serta pempelbagaian produk pelancongan.

Dalam usaha menambahkan lagi daya tarikan produk dan perkhidmatan Malaysia yang unik, fokus Kerajaan adalah untuk mempromosikan kelebihan tradisional negara, yakni warisan kebudayaan dan khazanah semula jadinya. Produk pelancongan lain termasuk aktiviti membeli-belah, riadah dan aktiviti kesukanan, serta acara berkaitan perniagaan.



Produk pelancongan membantu menggalakkan pelaburan baharu dalam negara sambil menambah peluang pekerjaan. Pertumbuhan sektor pelancongan Malaysia dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan ekonomi dan mutu kehidupan di negara ini. Selain itu, pelancongan memainkan peranan penting dalam membantu golongan berpendapatan rendah menambah mata pencarian mereka melalui penglibatan dalam aktiviti berkaitan pelancongan, seperti program pelancongan desa, ekopelancongan dan agropelancongan, aktiviti berkaitan pemandu pelancong, serta industri kraf tangan.

Di bawah RMKe-9, sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur yang berkaitan di kampung-kampung yang menyertai program Pelancongan Desa untuk memberi manfaat kepada lebih daripada 2,000 peserta. Sehingga bulan Jun 2008, terdapat 2,611 pengusaha Pelancongan Desa berdaftar daripada 138 kampung di seluruh negara. Program Pelancongan Desa yang dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang, merupakan konsep penginapan unik yang memberi peluang kepada pelancong menginap bersama-sama dengan keluarga terpilih. Melalui pergaulan dengan keluarga tersebut, pelancong boleh mengalami sendiri keunikan budaya rakyat Malaysia melalui kehidupan harian keluarga tersebut. Program di bawah Pelan Induk Pelancongan Desa ini bertujuan meningkatkan penyertaan masyarakat desa dalam sektor pelancongan.

Kisah Kejayaan PKS

Pelancongan Desa Banghuris – Percutian ala Kampung

Pelancongan Desa Banghuris yang terdiri daripada tiga buah kampung - Bukit Bangkong, Hulu Chuchoh dan Ulu Teris - telah menjadi sebahagian daripada program Pelancongan Desa sejak tahun 1997. Bermula dengan penyertaan 14 rumah, Pelancongan Desa Banghuris kini melibatkan penyertaan 68 buah rumah dengan lebih daripada 80 bilik penginapan.



Idea Pelancongan Desa bermula dengan anugerah Kampung Terbaik pada tahun 1993. Anugerah tersebut telah menarik perhatian umum, dan pelawat dalam dan luar negara sering berkunjung ke kampung berkenaan. Perhatian dan minat masyarakat luar yang amat menggalakkan ini telah mencetuskan idea kepada Tuan Haji Basir bin Wagiman, Ketua Kampung tersebut, untuk menukar lawatan sedemikian kepada suatu bentuk perniagaan berpotensi. Hasilnya, jumlah pelawat berbayar sehingga tahun 2007 adalah sebanyak 6,000 orang, pencapaian yang menggalakkan dalam masa 10 tahun sahaja. Melalui program pelancongan desa, pelawat didedahkan kepada budaya dan cara hidup seharian sesebuah kampung di Malaysia melalui 'keluarga angkat' mereka. Sebagai sebahagian daripada aktiviti semasa 'penginapan', pelawat boleh memilih beberapa pakej yang meliputi persembahan kebudayaan, seperti seni mempertahankan diri seperti silat, persembahan muzik tradisional, program memasak, lawatan ke kebun getah dan kelapa sawit, dusun buah-buahan dan industri kotej yang menggunakan bahan tempatan untuk mengeluarkan makanan ringan seperti kerepek dan karipap.

Pelancongan desa menerima pelbagai bantuan daripada Kementerian Pelancongan (MOTOUR) dan Persatuan Pelancongan Desa yang menyediakan latihan permulaan tentang konsep layanan mesra tuan rumah (*hospitality*) - daripada jenis perkhidmatan hinggalah piawai kebersihan untuk memasak dan membersihkan. Bantuan promosi juga diberikan melalui risalah promosi percuma yang mengiklankan pelancongan desa di samping bantuan pembinaan infrastruktur untuk kampung berkenaan. Tanah seluas 4.86 hektar telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2004 untuk membangunkan taman rekreasi dan pusat aktiviti. Bantuan kewangan juga diberikan untuk membina dewan serba guna yang boleh memuatkan 800 orang, bagi taman tersebut. Banghuris juga menyertai pelbagai pameran pemasaran anjuran MOTOUR.

Pada mulanya, penduduk kampung agak keberatan untuk menyertai program pelancongan desa kerana bimbang akan halangan kebudayaan dan bahasa. Sebagai perintis utama program, Tuan Haji Basir terpaksa meyakinkan penduduk kampung bahawa masalah ini boleh diatasi dan program ini akan menjana ganjaran kewangan. Perpaduan dan sikap saling bekerjasama dikatakan sebagai faktor penyumbang utama kejayaan program Pelancongan Desa yang melibatkan penyertaan aktif kesemua penduduk ketiga-tiga kampung tersebut. Kejayaan program ini menggunakan sumber pemasaran dan tarikan sedia ada, seperti kawasan pertanian, hasil keluaran dan bakat tempatan, telah membolehkan seluruh kampung tersebut menikmati hasil daripada pelancongan.



Begitu juga dengan kisah kejayaan Puan Hajah Shamsiah Jurain dan perniagaan keluaran makanan bekunya yang kini memasuki tahun kelima. Hajah Shamsiah memulakan perniagaannya dengan bantuan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang menyediakan tempat dan peralatan untuk perniagaannya. Keluaran makanan ringan bekunya, seperti karipap, roti canai, gulungan sosej dan pelbagai kuih, kini dibekalkan ke rumah-rumah pelancongan desa, di samping jualannya secara komersial. Selain itu, beliau menyediakan kursus masakan kepada pelancong yang berminat dalam masakan istimewa tempatan. Perniagaan industri kotejnya juga semakin maju dan kini menyediakan peluang pekerjaan kepada suri rumah dan ibu tunggal dengan pendapatan sehingga RM2,000 sebulan.

Hajah Shamsiah merupakan antara mereka yang berjaya mendapat manfaat daripada program pelancongan desa. Perubahan dalam kampung sejak program tersebut dimulakan, amat nyata. Masyarakat petani yang dahulunya miskin kini berubah menjadi masyarakat yang berkemampuan, dengan rumah-rumah mereka kini mempunyai televisyen dan kereta. Program ini juga telah mewujudkan suasana kejiranan yang lebih harmoni dan mesra, dengan kesemua penduduk bersatu ke arah kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi kampung mereka. Mereka kini begitu berjaya sehingga berupaya menawarkan kursus kepada kampung lain yang ingin menyertai program Pelancongan Desa.

Rancangan masa hadapan Pelancongan Desa Banghunis adalah untuk menaik taraf kemudahan, dengan pemasangan unit penyaman udara dan penambahan bilik air di kesemua rumah bagi meningkatkan keselesaan pelawat. Melalui inisiatif tersebut, Banghunis berharap dapat menambah kedatangan pelawat dan juga pendapatan.



Program lain yang memberi tumpuan terhadap pelancongan di kawasan desa, khususnya Pelancongan Desa, termasuk:

- **Kursus Kesedaran Pelancongan Desa**
 - Kursus ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai konsep Pelancongan Desa dan peluang yang ditawarkan, dengan matlamat menarik lebih banyak penyertaan.
- **Kursus Asas Pelancongan Desa**
 - Kursus ini dianjurkan oleh Institut Latihan Luar Bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Pelancongan. Ia bertujuan melatih peserta Pelancongan Desa yang berdaftar mengenai cara menyambut dan melayan tetamu, serta menguruskan dan mengendalikan aktiviti bagi pelancong yang menginap di rumah Pelancongan Desa.
- **Seminar Pelancongan Desa**
 - Tujuan seminar ini adalah untuk menyebarkan berita terkini tentang pembangunan dan kemajuan industri pelancongan, kesukaan pelancong dan teknik pemasaran kepada peserta program Pelancongan Desa.
- **Perhimpunan Pelancongan Desa Kebangsaan**
 - Perhimpunan ini memberi peluang kepada peserta Pelancongan Desa untuk berinteraksi dengan penaung dan ahli persatuan yang lain, di samping mendapatkan maklumat mengenai peluang latihan dan insentif baharu yang diperkenalkan Kerajaan bagi membantu peserta program ini.

(Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.motour.gov.my>)

Kini, ekopelancongan turut dipromosikan oleh Kerajaan. Malaysia bertuah kerana dianugerahi pelbagai tarikan semula jadi, seperti pelbagai flora dan fauna yang mengagumkan, pantai memutih yang indah, hidupan laut yang eksotik, hutan hujan tebal, serta gua-gua tertua dan terbesar di dunia. Pembangunan projek ekopelancongan memainkan peranan yang besar dalam menjana pendapatan masyarakat desa di kawasan sekitar, termasuk Orang Asli.

Dana yang disediakan bagi PKS dalam sektor Pelancongan termasuk Tabung Khas Pelancongan yang boleh dimanfaatkan oleh semua syarikat sedia ada dan baharu yang sedang melaksanakan atau merancang membangunkan projek pelancongan. Pemohon perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2002 atau/dan Akta Syarikat Koperasi 1970 atau Akta Koperasi 1993 dengan modal berbayar tidak melebihi RM10 juta. Jumlah pinjaman minimum ialah RM50,000 dengan kadar pinjaman 5.5% setahun dan tempoh pinjaman sehingga 20 tahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.motour.gov.my>.

Dengan ekonomi yang dinamik, Kerajaan yang stabil dan masyarakat berbilang kaum yang hidup harmoni, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menikmati ganjaran besar daripada kepesatan pelancongan. Dengan pelaksanaan program-program penting, industri pelancongan akan terus menjadi sumber utama pertumbuhan dan pemacu penting dalam pembangunan sektor perkhidmatan sepanjang tempoh RMKe-9.

Perkhidmatan dan Pertanian merupakan sektor pertumbuhan yang diakui di seluruh dunia sebagai komponen penting bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Lantaran itu, persaingan dalam sektor-sektor ini semakin meningkat di seluruh pelosok dunia. Kekayaan sumber semula jadi dan infrastruktur sokongan utama Malaysia memberikan PKS kelebihan daya saing dalam sektor-sektor tersebut. Kerajaan menyedari bahawa kelebihan daya saing kini semakin bergantung pada faktor bukan harga, seperti kualiti, penyesuaian, serta masa penghantaran. Kesemua faktor ini telah diambil kira oleh pelbagai program dan insentif yang disediakan. Kini, terpulanglah kepada PKS untuk memanfaatkan sepenuhnya program dan insentif yang disediakan bagi meraih ganjaran yang lebih besar, pada peringkat global.